



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Badriah diundang ikuti latihan

Berita Harian, 16 November 1998, Page 16

Article also available on Microfilm Reel NL21547

Printer-Friendly Page

# Badriah diundang ikuti latihan

**SILAT** Oleh YUSOFF A. RAHMAN

**BEKAS** johan silat dunia, Badriah Hosni, yang kini menetap di Switzerland, adalah antara 150 pesilat yang diundang mengikuti latihan skuad negara.

Walaupun johan dunia dalam 1992 itu pernah diketepikan dari skuad negara bagi Sukan SEA tahun lalu, jurulatih nasional, Sheik Alaudin, telah menyertakan namanya dalam senarai pesilat yang diundang.

"Walaupun Badriah kini menetap dengan suaminya di Switzerland, kami tetap mengundangnya mengikuti latihan skuad negara," kata Sheik.

Menurutnya, Badriah, 29 tahun, boleh bertanding dalam acara seni.

"Bahkan, saya berpendapat Badriah masih mampu bertanding dalam acara olahraga," kata beliau.

Sheik, yang bersama Jasni Salam, dilantik sebagai jurulatih selama dua tahun baru-baru ini, berkata terserah pada perguruan pesilat itu, Alhaq, memberitahu tentang undangan itu.

"Kerana Badriah menetap di luar negeri, kami sedia memberinya ke-longgaran berlatih di sini," ujarnya.

Sheik, johan dunia dua kali, berkata satu majlis taklimat akan diadakan di Auditorium Persatuan Rakyat pada 29 November ini.

"Kami bukan sahaja mengundang semua pesilat malah pegawai dari perguruan dan keluarga mereka.

"Tidak seperti dahulu, kali ini kami ingin mengadakan sesuatu secara terbuka. Kami ingin semua pihak tahu tentang apa juga rancangan yang ingin kami lakukan," kata beliau.

Dalam perjumpaan itu nanti, para pesilat yang diundang akan diminta mengisi borang pengesahan untuk mengikuti latihan skuad negara.

"Kami ingin pesilat yang benar-benar berhasrat mewakili negara, mengikuti latihan. Dengan perkataan lain, kami mahukan komitmen dari setiap yang terbabit," katanya.

Menurut Sheik, ujian kecergasan akan diadakan pada hari tersebut, termasuk lari sejauh lima kilometer.

"Selepas itu, kami akan mengadakan latihan selama dua minggu bermula 8 hingga 10.30 malam.

"Dari latihan itu kami dapat meninjau sejauh manakah pesilat sanggup mengikuti latihan.

"Hanya pesilat yang berdedikasi dan punya kedatangan yang baik wajar mewakili negara," ujarnya.



**BADRIAH:** Johan dunia 1992 ini masih mendapat kepercayaan jurulatih nasional, Sheik Alauddin.